

KAMPUNG BURUH: MENGIMBANGKAN PENGHIDUPAN DAN HIDUP BERMASYARAKAT

Zahid Emby

Pengenalan

Masyarakat tani Semenanjung Malaysia telah mengalami berbagai-bagai perubahan sejak kemerdekaan pada tahun 1957. Struktur ekonomi masyarakat tani mula berubah dengan kedatangan pihak kolonial. Ekonomi semulajadi masyarakat tani telah terhapus apabila ia bertembung dengan ekonomi kapitalis yang diperkenalkan oleh penjajah. Kaum tani telah diheret keluar dari ekonomi saradiri dan ditolak masuk ke dalam ekonomi dunia.¹ Keadaan ini berterusan selepas tahun 1957. Melalui program-program pembangunan desa dan bandar lebih ramai petani yang menceburkan diri mereka dalam pertanian komersial dan sektor buruh. Ada petani yang terus tinggal di desa dan bekerja sebagai buruh pertanian dan ada juga yang meninggalkan kawasan desa dan berhijrah ke bandar untuk bekerja sebagai buruh kilang atau buruh binaan. Sejak akhir-akhir ini ada pula petani-petani yang meninggalkan bidang pertanian tetapi terus tinggal di desa. Mereka bekerja sebagai buruh di bandar-bandar berdekatan tetapi terus tinggal di kampung. Mereka berulang alik tiap-tiap hari ke tempat pekerjaan mereka. Ada petani-petani yang meninggalkan keluarga mereka di kampung sementara mereka tinggal di bandar. Mereka pulang seminggu atau dua minggu sekali atau pun sebulan sekali.

Artikel ini membicarakan kehidupan bekas petani dan anak petani yang menampung hidup dengan menjual tenaga mereka di bandar-bandar. Di sini mereka bekerja bersama-sama dengan pekerja-pekerja lain yang mereka tidak kenal sebelum itu; mereka menjual tenaga kepada orang-orang yang mereka tidak kenali di dalam suatu sub-budaya kerja dan sistem ekonomi yang berbeza dari apa yang menjadi kebiasaan di dalam hidup mereka di kampung. Mereka berulang-alik bukan sahaja di antara dua kawasan yang berbeza dari segi fizikal (iaitu desa dan bandar) tetapi juga di antara sub-budaya yang berbeza - iaitu di antara sub-budaya kampung (yang berasaskan kepada sub-budaya petani) dan sub-budaya kerja buruh. Tuntutan kedua-dua sub-budaya ini berbeza dan kadangkala bertentangan dan ini menimbulkan masalah bagi bekas petani-petani dan anak-anak petani ini. Inilah yang akan ditekankan di dalam artikel ini - usaha-usaha dan kompromi yang terpaksa dibuat untuk menyara hidup keluarga mereka dengan menjadi buruh di bandar sementara pada masa yang sama melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti sosio-budaya kampung mereka dan

Versi awal artikel ini telah dibentangkan di Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Ogos 1989.

mengekalkan hidup bermasyarakat di dalam komuniti itu.

Latarbelakang Kampung Kajian

Kampung yang dikaji ini adalah sebuah kampung kecil di Kedah yang diterokai pada kurun ke-19 oleh sekumpulan pelarian dari utara negeri tersebut yang berpindah ke bahagian selatan negeri itu apabila diserang oleh kerajaan Siam pada tahun 1821. Struktur ekonomi kampung ini telah mengalami berbagai-bagai perubahan sejak ianya dibuka. Pada mulanya ekonomi kampung ini berasaskan penanaman padi saradiri. Selain dari padi, alam semulajadi juga menyediakan keperluan hidup mereka. Hutan, paya dan sungai yang berdekatan memainkan peranan dalam memenuhi keperluan seharian mereka.

Pada awal abad ke-20 getah mula ditanam di kampung ini. Penanaman padi akhirnya dihentikan terus dan diganti sepenuhnya dengan getah apabila harga getah melambung tinggi. Pada zaman pemerintahan Jepun, pihak pemerintah telah memaksa penduduk-penduduk kampung ini menebang pokok getah mereka supaya padi dapat ditanam di kawasan itu. Tetapi usaha mereka tidak berjaya. Akhirnya, apabila Jepun dikalahkan dan Inggeris kembali memegang kuasa di Semenanjung Malaysia, mereka menjual tanah padi mereka. Bagi penduduk-penduduk kampung ini zaman kemerosotan mereka bermula dengan pemerintahan Jepun dan berterusan apabila Inggeris kembali dan tidak membenarkan mereka menanam getah di kawasan itu. Ramai penduduk telah meninggalkan kampung mereka kerana kehilangan mata pencarian. Akhirnya kampung yang pada satu ketika dulu mempunyai penduduk yang ramai mula bertukar menjadi sebuah kampung yang kecil. Pada pertengahan tahun 70an kampung ini mengandungi kurang dari 30 buah rumah.

Kegagalan mereka menanam padi di kawasan itu pada zaman pemerintahan Jepun memaksa mereka mencari nafkah dengan cara lain - iaitu dengan menjual tenaga mereka sebagai buruh apabila ada peluang untuk membuat demikian. Peluang-peluang ini bertambah apabila Inggeris kembali memerintah dan memburuh muncul sebagai punca pendapatan utama bagi majoriti penduduk-penduduk kampung ini. Mereka bermula dengan menjadi buruh di sektor pertanian dengan mengambil upah menanam dan menuai dan menjadi buruh di estet-estet yang berdekatan dengan kampung mereka. Kemudian apabila perusahaan binaan berkembang ramai anak-anak muda di kawasan ini bekerja sebagai buruh binaan di bandar-bandar yang berdekatan.

Keadaan berubah lagi di dalam komuniti ini pada tahun 1981 apabila kawasan kampung ini di atas permintaan penduduk-penduduk dan pemilik-pemilik tanah telah dijadikan estet mini kelapa sawit di bawah kelolaan RISDA (Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah). Mereka yang masih lagi tinggal di kampung itu bersetuju untuk dipindahkan ke rezab Jabatan Parit dan Taliair yang terletak di sebelahnya. Penubuhan estet mini ini telah membuka beberapa peluang pekerjaan lagi bagi penduduk-penduduk di sini.

Mereke bekerja sebagai buruh estet mini di bawah jagaan seorang pegawai RISDA selaku penyelia estet seluas 32.5 hektar ini.

Pada tahun 1987 terdapat 60 isirumah dan 261 penduduk di kampung ini. Dari jumlah ini 17 daripada ketua keluarganya bekerja sebagai buruh separuh masa sementara 16 lagi bekerja sebagai buruh sepenuh masa di bandar-bandar yang berdekatan. Mereka berulang-alik tiap-tiap hari dari kampung ke tempat kerja mereka. Ada juga yang bekerja di bandar-bandar yang agak jauh. Mereka hanya pulang bertemu keluarga seminggu atau dua minggu sekali atau sebulan sekali. Mereka tidak dapat pulang lebih kerap lagi kerana tambang bas atau teksi yang harus mereka bayar akan mengurangkan pendapatan yang dibawa pulang. Selain dari ketua keluarga, anak-anak muda mereka juga bekerja sebagai buruh. Kesemua 23 daripada belia kampung ini terlibat di dalam pekerjaan ini. Mereka lebih bersedia untuk bekerja di bandar-bandar yang jauh dari kampung. Ada yang biasa bekerja sebagai buruh di Ipoh, Kuala Lumpur dan Singapura. Ramai yang bekerja di Pulau Pinang, bandar besar yang terdekat.

Pendapatan yang diperolehi dari memburuh tidaklah lumayan tetapi cukup untuk hidup. Keperluan asas keluarga mereka dapat dipenuhi. Semua rumah ada bekalan elektrik dan air paip. Tiap-tiap keluarga memiliki radio, lebih dari separuh ada TV, satu perempat mempunyai kipas elektrik dan motorsikal, satu persepuluh memiliki peti ais dan tiga keluarga memiliki kereta. (Walaupun bagaimanapun pendapatan utama ketua keluarga yang memiliki peti ais dan kereta bukan dari kerja buruh tetapi dari perniagaan). Walaupun demikian keadaan hidup mereka tertakluk kepada pasaran buruh tempatan. Apabila ianya stabil pendapatan dan kehidupan mereka terjamin. Tetapi apabila ianya tidak stabil kesejahteraan hidup mereka akan terancam, seperti yang terjadi pada tahun-tahun 80an apabila sektor pembinaan merosot. Pada tahun 1987, misalnya, ramai yang terpaksa mencari pekerjaan di kampung dan di dalam sektor pertanian kerana tidak ada pekerjaan di sektor pembinaan di bandar-bandar yang berdekatan. Estet mini kampung ini yang cuma mempunyai pekerja antara 10 hingga 15 orang pada tahun 1984, terpaksa memberi pekerjaanya kepada 25 orang pada tahun 1987. Ini dapat dilakukan kerana sistem pengambilan pekerja adalah terbuka. Sesiapa saja yang tinggal di kampung itu boleh bekerja di estet mini tersebut. Oleh kerana gaji pekerja adalah berasaskan keluasan (bagi membaja, meracun dan menjaga kawasan estet) dan hasil kelapa sawit yang dipungut, kos pengelolaan estet tidak meningkat walaupun bilangan pekerja bertambah. Pendapatan pekerja yang akan berkurangan kalau lebih ramai yang bekerja.

Pergantungan penghuni-penghuni kampung ini kepada pemburuan untuk nafkah hidup mereka bukan saja boleh menggugat penghidupan mereka pada masa-masa yang tertentu tetapi juga mengancam hidup bermasyarakat yang menjadi akar tunjang kepada kehidupan sosial desa. Dengan bekerja sebagai buruh di bandar bermakna mereka terpaksa berada di luar komuniti mereka

sepanjang hari. Ini menimbulkan masalah apabila aktiviti sosial seperti gotong-royong dan kenduri-kendara diadakan. Aktiviti-aktiviti ini yang tujuan utamanya ialah untuk menjaga kebersihan kampung, meraikan perkahwinan atau membaca doa selamat, juga membantu mempereratkan hubungan anggota-anggota komuniti. Kegagalan mengambil bahagian sepenuhnya dalam aktiviti ini mungkin akan menimbulkan keretakan dalam kehidupan sosial komuniti.

Daripada 33 ketua keluarga yang memburuh cuma beberapa orang sahaja yang bekerja di estet mini. Ini bermakna sekurang-kurangnya separuh daripada ketua keluarga di kampung ini tidak dapat berhubung sesama mereka pada siang hari kerana terpaksa berada di tempat kerja. Mereka bertolak meninggalkan kampung mereka selepas Subuh dan hanya akan kembali sebelum Magrib. Ini samalah seperti pekerja bandar yang berulang-alik dari rumah ke tempat kerja mereka. Tetapi mereka berbeza daripada pekerja-pekerja bandar ini dari segi tempat tinggal - mereka terus tinggal di kampung dan terpaksa memenuhi tuntutan kehidupan sosial desa yang dibina di atas asas material (*material base*) lama yang tidak wujud lagi pada masa kini. Mereka tersepit di antara tuntutan komuniti dan budaya serta keperluan-keperluan keluarga mereka. Mereka tidak ada pilihan lain melainkan memburuh di bandar untuk menyambung hidup. Pendapatan mereka, walaupun cukup untuk memenuhi keperluan keluarga, tidak cukup untuk mengadakan kenduri-kendara, meraikan perkahwinan dan memenuhi tuntutan-tuntutan kebudayaan yang lain yang dianggap biasa di dalam susunan sosial pada zaman yang silam. Walaupun susunan sosial ini sudah berubah tetapi tuntutan kebudayaan yang terdapat di dalamnya masih lagi wujud di dalam susunan sosial masakini. Ini menimbulkan masalah bagi buruh yang tinggal di kampung ini. Bukan saja mereka tidak dapat mengadakan kenduri-kendara dengan cara yang dituntut oleh budaya desa tetapi mereka juga tidak dapat melibatkan diri mereka dengan sepenuhnya di dalam aktiviti sosial kampung itu kerana masalah masa.

Mengimbangkan Penghidupan dan Hidup Bermasyarakat

Aktiviti sosial seperti gotong-royong, kenduri-kendara, perkahwinan dan tragedi seperti kematian memerlukan penglibatan anggota-anggota komuniti itu. Aktiviti-aktiviti ini penting pada suatu masa dahulu, secara langsung atau tidak langsung, untuk menjamin penghidupan keluarga. Pada zaman itu aktiviti pertanian menjadi asas penghidupan mereka. Tenaga buruh upahan tidak memainkan apa-apa peranan di dalam pertanian. Semua kerja ladang dijalankan secara tolong menolong. Sistem derau memainkan peranan yang penting dalam penanaman padi pada masa itu. Cara ini hanya akan berjaya jika wujud hubungan yang erat di antara anggota-anggota komuniti itu. Aktiviti sosial yang tersebut di atas membantu mengukuhkan perhubungan ini. Tetapi pada masa ini asas material kampung ini sudah berubah. Sebagai buruh, anggota-anggota komuniti ini tidak lagi memerlukan tenaga jiran tetangga mereka untuk

menjamin penghidupan keluarga. Walau bagaimanapun penglibatan di dalam aktiviti-aktiviti sosial ini masih lagi ditekankan. Ini adalah kerana aktiviti-aktiviti keagamaan seperti pengkebumian, pernikahan dan doa selamat masih lagi memerlukan tenaga anggota-anggota lain di dalam komuniti itu. Ini bermakna hubungan yang rapat harus diwujudkan. Oleh itu penyertaan dalam aktiviti-aktiviti sosial terus diberi perhatian oleh komuniti ini. Malangnya oleh kerana masalah masa, separuh daripada ketua-ketua keluarga yang menganggotai kampung ini tidak lagi dapat melibatkan diri mereka dengan sepenuhnya di dalam aktiviti-aktiviti ini. Jadi berbagai-bagai bentuk kompromi terpaksa diwujudkan untuk mengatasi masalah tersebut.

Kerja gotong-royong di dalam sektor pertanian seperti berderau tidak lagi wujud di kampung ini kerana ia telah digantikan oleh buruh upahan. Mereka yang masih melibatkan diri di dalam penanaman padi di kawasan berdekatan mengupah orang untuk menjalankan kerja-kerja membajak, menanam dan mengerat padi kerana cara ini dianggap lebih senang dan lebih efisien. Walau bagaimanapun bergotong-royong untuk membersihkan kawasan kampung (seperti menebas di tepi jalan-jalan kampung, membersihkan kawasan-kawasan kubur dan masjid) masih lagi dijalankan. Selalunya kerja gotong-royong begini melibatkan semua penduduk di qariah itu.

Walaupun paksaan tidak digunakan untuk menjamin penglibatan penduduk di dalam aktiviti, semua penduduk di qariah ini sedar bahawa gotong-royong itu hanya dapat dijayakan jika mendapat sambutan dari mereka. Setiap orang juga sedar bahawa kalau ia tidak menyertai aktiviti ini ia akan dianggap sebagai seorang individu yang tidak bertanggungjawab, yang lebih mementingkan diri sendiri daripada keperluan komuniti. Oleh itu, walaupun ia tidak dikenakan apa-apa isyarat (didenda, didera atau dipulau), ia akan cuba sedaya upaya untuk datang bergotong-royong. Jika ia tidak dapat hadir atau tidak mahu hadir ia akan cuba menunjukkan bahawa ia tidak membantu oleh kerana ada sebab-sebab yang tertentu - sebab-sebab yang diterima oleh komunitinya sebagai wajar - yang menghalangnya daripada turut serta.

Di qariah ini tidak ada hari yang tertentu ditetapkan untuk bergotong-royong, jika gotong-royong itu dikelolakan oleh pemimpin-pemimpin qariah dengan menggunakan sumber kewangan tempatan dan tidak melibatkan bantuan kewangan dari luar (seperti Pejabat Daerah). Hari untuk menjalankan aktiviti ini akan ditentukan selalunya oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta pemimpin-pemimpin belia qariah, selaku penganjur aktiviti berkenaan. Biasanya hari yang dipilih adalah hari cuti kerana ramai belia di qariah ini bekerja sebagai buruh binaan.² Tetapi kalau gotong royong ini dianjurkan oleh jabatan kerajaan, ia terpaksa diadakan pada hari bekerja kerana ia mesti dirasmikan oleh pegawai kerajaan. Ini bermakna mereka yang bekerja makan gaji di bandar tidak dapat hadir.

Jadi gotong-royong boleh menimbulkan satu situasi konflik bagi mereka yang bekerja sebagai buruh upahan. Konflik yang mereka harus hadapi adalah

di antara memenuhi obligasi sebagai ketua keluarga iaitu mencari nafkah untuk keluarga mereka dengan memenuhi tanggungjawab mereka sebagai anggota komuniti. Apabila berhadapan dengan masalah ini jalan keluar harus dicari. Mereka berkompromi dengan menyuruh isteri dan anak-anak mereka yang tidak bersekolah dan belum lagi bekerja, untuk mengambil bahagian di dalam gotong-royong yang diadakan. Ketidakhadiran mereka disebabkan oleh pekerjaan mereka diterima dan dimaafkan. Oleh itu jika ramai penduduk di kawasan ini yang memburuh dan bekerja makan gaji akan lebih merosotlah penglibatan penduduk di dalam aktiviti sosial ini, dan ini memberi kesan negatif kepada kehidupan sosial desa.

Konflik obligasi ini bukan saja timbul apabila qariah ini mengadakan gotong-royong. Majlis perkahwinan, kenduri doa selamat dan kematian juga memaksa ramai daripada penghuni kampung buruh ini bergelut dengan konflik. Setiap orang penduduk kampung ini tahu kelahiran, perkahwinan dan kematian adalah sebahagian daripada hidup dan akan dilalui oleh semua. Mereka juga sedar bahawa apabila ini berlaku ia akan memerlukan penglibatan penduduk-penduduk lain di kampung itu. Untuk menjamin penyertaan mereka harus menjaga hati orang lain untuk memelihara perhubungan. Cara yang terpenting untuk berbuat demikian adalah dengan menghadiri majlis perkahwinan dan kenduri yang mereka adakan dan menziarahi mereka apabila ada anggota keluarga mereka yang sakit atau meninggal dunia. Tetapi malangnya bagi mereka yang makan gaji, ini tidak dapat dilakukan dengan sepenuhnya. Kalau majlis perkahwinan diadakan pada hari kerja mereka hanya dapat menghadirinya di sebelah petang (walaupun budaya menuntut mereka berada di situ sehari suntuk); kalau kenduri doa selamat mereka hanya sempat datang bertahlil dan makan kemudian pulang (walaupun budaya memerlukan mereka membantu sebelum dan selepas kenduri); dan apabila ada kematian mereka hanya dapat menziarahi keluarga si mati selepas jenazahnya dikebumikan (jika kematian berlaku awal pagi atau pada siang hari).

Jadi ketua keluarga yang bergantung kepada kerja memburuh untuk hidup mendapati bahawa mereka tidak dapat menceburi dengan sepenuhnya aktiviti-aktiviti sosial kampung mereka. Sekali lagi sebagai kompromi mereka terpaksa menghantar isteri dan anak-anak sebagai pengganti diri. Wang juga sudah mula memainkan peranan sebagai pengganti diri. Isteri dan anak mereka dan sedikit wang diharap dapat menggantikan ketiadaan mereka di situ - bukan kehendak mereka begitu (walaupun komuniti menerima tindakan ini sebagai *valid*) tetapi keadaan memaksa. Seperti kata seorang buruh kontrak yang tidak dapat menziarah kawannya yang meninggal dunia beberapa waktu sebelum ia pergi ke tempat kerjanya:

Macam ni la kerja makan gaji, sampai orang mati pun tak boleh ziarah. Ambik duit lima ringgit bagi dekat bini suruh sedekah. Kita pi kerja.

Walaupun pada keseluruhan komuniti ini menerima tindakan dan kompromi ini, tetapi ada kalanya tindakan ini dianggap tidak wajar - iaitu jika seseorang itu tidak menghadiri aktiviti-aktiviti sosial ini pada hari minggu atau hari cuti kerana ia bekerja. Ini dianggap sebagai terlalu mementingkan material hinggakan kepentingan komuniti ditolak sebelah. Bekerja pada hari minggu atau hari cuti bukanlah untuk menjamin penghidupan tetapi mengejar kebendaan.

Jadi pada suatu hari minggu apabila seorang buruh binaan tidak menghadiri majlis perkahwinan di kampung yang berdekatan di dalam qariah itu kerana ia bekerja, komen-komen negatif telah kedengaran. Ia dituduh meletakkan kebendaan di atas kepentingan kampung dan tindakan ini dianggap sebagai mengancam kehidupan sosial komuniti. Komen-komen ini akhirnya sampai ke telinganya, tetapi ia tidak menjawab kerana, katanya, ia tidak mahu memansakan lagi keadaan. Walau bagaimanapun ia menjelaskan kepada penulis bahawa ia terpaksa bekerja pada hari itu kerana diminta berbuat demikian oleh kepala kontrak. Kalau ia menolak, katanya, kepercayaan yang telah diberikan kepadanya oleh kepala itu mungkin merosot dan ini akan mengancam mata pencariannya. Penjelasan ini kalau diberikan kepada penduduk-penduduk lain mungkin tidak diterima, jadi ia berpendapat berdiam diri adalah tindakan yang paling sesuai di dalam keadaan begini.

Bagi mereka yang memburuh di kampung, kompromi yang disebutkan di atas juga dianggap sebagai tindakan yang tidak begitu wajar - terutama sekali kalau ia melibatkan kematian. Ini boleh kita lihat dari tindakan yang diambil oleh mereka yang bekerja sebagai buruh di estet mini kampung ini apabila bidan yang tinggal di kampung itu meninggal dunia. Pekerja estet mini mendapat tahu tentang kematiannya selepas mereka mula bekerja. Mereka berbincang sama ada mereka patut menziarah pada pagi itu juga (iaitu sebelum mayat dikebumikan) atau pada sebelah petangnya selepas kerja mereka selesai (iaitu selepas pengkebumian). Tiga alternatif dibincangkan - teruskan pekerjaan mereka dan tidak menziarah langsung, memadai dengan mewakili isteri dan anak-anak mereka untuk berbuat demikian; hantar beberapa orang dari kumpulan kerja sebagai wakil sementara yang lain terus bekerja; atau bekerja sampai waktu Zohor sahaja dan pergi ziarah selepas itu. Selepas perbincangan yang panjang lebar mereka memilih alternatif yang terakhir sebagai yang paling wajar. Seperti kata seorang pekerja: 'Tak elok la kalau kita tak pi ziarah. Nanti orang kata apa pulak.' Oleh kerana masa untuk bekerja di estet mini ini agak longgar dan selalunya ditentukan oleh pekerja-pekerja sendiri dan rumah bidan itu juga terletak dekat dengan kawasan kerja, jadi tindakan yang mereka rasakan paling wajar adalah alternatif yang ketiga, walaupun tindakan ini akan mengurangkan pendapatan mereka. Masa yang mereka boleh gunakan untuk mendapatkan wang telah digunakan untuk memenuhi obligasi sosial mereka.

Perubahan-perubahan yang sedang dialami oleh kampung-kampung di negara ini telah mengurangkan aktiviti sosial yang boleh dilakukan secara

spontan. Organisasi yang formal dan separuh formal terpaksa ditubuhkan untuk menjamin penglibatan penduduk-penduduk di dalam aktiviti-aktiviti ini. Persatuan khairat kematian misalnya telah lama wujud; begitu juga dengan syarikat pinggan-mangkuk. Di kampung ini satu lagi persatuan telah ditubuhkan - pakatan kahwin. Beberapa bulan sebelum suatu majlis perkahwinan hendak diadakan mesyuarat akan dipanggil untuk mengumumkan perkahwinan itu. Di dalam mesyuarat ini pembahagian tugas akan ditentukan; dan akan diumumkan juga tentang kutipan wang yang akan dibuat. Dengan cara ini penglibatan majoriti anggota-anggota pakatan itu (yang selalunya terdiri dari semua ketua keluarga di kampung ini) akan terjamin. Jadi bantu membantu secara spontan (sama ada dalam bentuk wang atau tenaga) lama kelamaan akan diganti dengan saling membantu melalui organisasi atau persatuan-persatuan yang rasmi dan separuh rasmi. Inilah arah-aliran kehidupan sosial kampung yang majoriti penduduknya dianggotai oleh mereka yang mencari nafkah dengan menjual tenaga mereka di tapak-tapak binaan, di kilang-kilang dan di pejabat-pejabat yang terletak di bandar.

Penutup

Di kampung ini kehidupan sosial Melayu desa yang bertunjangkan hidup bermasyarakat sedang mengalami perubahan yang pesat. Hidup bermasyarakat terancam apabila penduduk-penduduk kampung ini terpaksa menjual tenaga buruh mereka di luar kampung untuk menyambung hidup. Awal pagi lagi mereka sudah keluar mencari makan dan hampir senja baru mereka pulang. Kata seorang buruh kontrak:

Kita ni macam burung. Pagi keluar cari makan, malam balik tidur.

Jadi masa untuk berbual-bual di kedai kopi atau menziarah rumah jiran pun tidak ada; kalau ada pun, sedikit sekali. Cuma mereka yang tidak bekerja dan yang bekerja di kampung sahaja sempat berbuat demikian. Kewajiban sosial terhadap komuniti terpaksa dibelakangkan untuk menjamin penghidupan keluarga. Oleh itu hubungan sosial yang erat, kerjasama dan saling membantu yang menjadi ciri-ciri penting di dalam sistem sosio-budaya Melayu desa sudah mula pudar. Individualisme sudah mula mengambil alih tempat hidup bermasyarakat sebagai asas kehidupan sosial di kampung ini.

Nota:

1. Sila lihat Lim Teck Ghee, *Peasants and Their Agricultural Economy in Colonial Malaya 1874-1941*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1977; Amarjit Kaur and Shaharil Talib, 'The Extractive Colonial Economy and Peasantry: Ulu Kelantan 1900-1940', *Review of Indonesian and Malaysian Affairs*, Vol.17, No.2, 1983; Shaharil Talib, *After Its Own Image: The Trengganu Experience 1881-1941*, Singapore, Oxford University Press, 1984.

2. Tetapi untuk menentukan ini pun menjadi masalah kerana qariah ini walaupun ianya di dalam negeri Kedah ia terletak di sempadan Kedah dengan Perak dan Pulau Pinang. Ramai juga dari penduduk di kawasan ini yang bekerja di bandar-bandar berdekatan Perak dan Pulau Pinang. Oleh kerana hari minggu di Kedah, adalah pada hari Jumaat dan di Perak dan Pulau Pinang pada hari Ahad apa sahaja hari yang ditetapkan akan menimbulkan masalah.